



semak-kasih.mycoverage.my

SATU PORTAL UNTUK SEMUA



SEMAK
KASIH

semak-kasih.mycoverage.my

Semakan ringkas yang bermakna

Ketahui manfaat takaful keluarga atau insurans hayat yang mungkin ditinggalkan oleh yang tersayang.

Apakah itu Semak Kasih?

Ramai keluarga mungkin tidak menyedari bahawa orang tersayang mereka mungkin telah meninggalkan manfaat takaful keluarga dan/atau insurans hayat yang masih belum dituntut. Manfaat ini mudah terlepas pandang, namun ia mungkin memberikan sokongan kewangan yang bermakna pada saat paling memerlukan.

SEMAK KASIH adalah platform khidmat awam percuma yang boleh membantu keluarga mengenal pasti sebarang perlindungan takaful keluarga dan/atau insurans hayat yang ditinggalkan oleh orang tersayang mereka yang telah meninggal dunia dan masih belum dituntut - dengan cepat dan mudah, semuanya dalam satu portal.

Luangkan masa untuk semak melalui **SEMAK KASIH**. Satu langkah kecil mampu membawa perubahan yang bermakna bagi keluarga anda.

Semak dengan cepat dan mudah. Hanya dengan beberapa langkah ringkas, anda boleh mengetahui sama ada orang tersayang anda mempunyai sijil takaful keluarga dan/atau polisi insurans hayat dengan pengendali takaful dan/atau syarikat insurans yang mengambil bahagian.


Bagaimana cara untuk membuat carian di Portal Semak Kasih?

LANGKAH
1




Layari
**semak.kasih.
mycoverage.my**

LANGKAH
2



Daftar akaun
menggunakan nama,
nombor ID (MyKad/
lain-lain), alamat e-mel
dan nombor telefon
bimbit anda

LANGKAH
3



Setelah berjaya
mendaftar, log masuk
untuk mengakses
Portal Semak Kasih

LANGKAH
4



Hantar semakan dengan
mengisi nombor ID
(MyKad/lain-lain) si mati,
nombor sijil kematian
dan muat naik salinan sijil
kematian yang jelas

Apa yang berlaku seterusnya?

Sekiranya padanan rekod ditemui, anda akan menerima senarai pengendali takaful atau syarikat insurans hayat berserta maklumat perhubungan mereka.

Sila hubungi pengendali takaful atau syarikat insurans hayat yang dipaparkan di skrin untuk langkah seterusnya dan bantuan lanjut.

Sila ambil maklum bahawa padanan tidak semestinya bermaksud tuntutan takaful keluarga atau insurans hayat boleh dibayar pada peringkat ini.

Sekiranya tiada padanan rekod ditemui, apakah maklumat yang akan dipaparkan di skrin?

Mesej "Tiada sijil takaful/polisi insurans yang ditemui dalam rekod kami" akan dipaparkan di skrin.

Nota: Portal Semak Kasih tidak memproses tuntutan atau menyediakan perkhidmatan berkaitan tuntutan. Sebarang pertanyaan, penghantaran dan susulan tuntutan hendaklah diuruskan secara langsung dengan pengendali takaful atau syarikat insurans hayat yang berkaitan, mengikut prosedur mereka.





Soalan Lazim

1. Apakah Portal Semak Kasih?



Semak Kasih ialah sebuah platform yang mudah, boleh diakses dan selamat digunakan untuk membantu anda menyemak sama ada orang tersayang yang telah meninggal dunia mempunyai sebarang manfaat takaful keluarga atau insurans hayat yang belum dituntut daripada pengendali takaful dan syarikat insurans hayat yang mengambil bahagian.

2. Siapakah yang boleh menggunakan Portal Semak Kasih?



Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang telah mendaftar di portal Semak Kasih.

3. Apakah jenis rekod yang tersedia untuk carian?



Buat masa ini, portal ini hanya menyediakan akses kepada rekod takaful keluarga dan insurans hayat.

4. Apakah jenis produk yang boleh disemak?



Produk yang layak untuk semakan termasuk sijil takaful dan polisi insurans yang dibeli oleh orang tersayang anda yang telah meninggal dunia. Portal ini akan menyediakan maklumat tentang syarikat insurans atau pengendali takaful yang perlu dihubungi.

5. Apakah maklumat yang perlu diserahkan untuk membuat carian?



Untuk membuat carian, anda perlu mengemukakan maklumat si mati, termasuk nombor ID (MyKad/lain-lain), nombor sijil kematian, dan salinan sijil kematian yang jelas.

(Nota: Hanya sijil kematian yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara diterima)

6. Apakah format fail dan saiz maksimum yang dibenarkan untuk sijil kematian semasa memuat naik?



Hanya fail dalam format PDF, JPEG, JPG dan PNG diterima untuk sijil kematian, dengan saiz maksimum 5 MB.

7. Adakah saya perlu mendaftar sebelum membuat carian?



Ya. Anda perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum membuat sebarang carian.

8. Apakah maklumat yang diperlukan untuk pendaftaran?



Anda perlu mengisi:

- Nama penuh
- Nombor ID (MyKad/lain-lain)
- Alamat e-mel yang sah
- Nombor telefon bimbit yang sah

9. Adakah terdapat sebarang bayaran untuk menggunakan Portal Semak Kasih?



Tidak. Perkhidmatan ini disediakan secara percuma.

10. Bolehkah saya melihat butiran sijil/polisi, jumlah perlindungan atau maklumat penama?



Tidak. Portal ini hanya mengesahkan kewujudan sijil atau polisi serta mengenal pasti pengendali takaful atau syarikat insurans hayat yang berkaitan. Jika rekod ditemui, anda akan diberikan maklumat hubungan pengendali takaful atau syarikat insurans hayat berkenaan untuk pertanyaan lanjut.

11. Berapa kali saya boleh membuat carian dalam satu hari?



Anda boleh membuat 3 carian dalam satu hari. Had carian anda akan ditetapkan semula dalam masa 24 jam.

12. Jika saya menghadapi masalah semasa membuat carian, siapa yang perlu saya hubungi?



Untuk pertanyaan, sila hubungi 03-7456 3960 atau e-mel semakkasih@mycoverage.my

Semak hari ini. Mungkin ada perlindungan yang ditinggalkan untuk keluarga anda.

Layari Portal Semak Kasih di
semak-kasih.mycoverage.my



Imbas untuk semak sekarang

Dibawakan oleh:



Persatuan Insurans Hayat Malaysia
Life Insurance Association of Malaysia



MALAYSIAN TAKAFUL
ASSOCIATION

Tertakluk pada terma dan syarat.